

**MAHATHIR - JORDAN**

**ALOR SETAR, 24 OGOS (BERNAMA) - - MALAYSIA AKAN MENGHUBUNGI KERAJAAN JORDAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KUMPULAN KETIGA SERAMAI 42 RAKYAT NEGARA INI YANG TERKANDAS DI BAGHDAD, EKORAN PENUTUPAN SEMPADAN NEGARA ITU DENGAN IRAQ.**

**PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, KERAJAAN AKAN MENGHUBUNGI KERAJAAN JORDAN AGAR MEMBERI LALUAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS ITU.**

**BELIAU YAKIN KERAJAAN JORDAN BERSEDIA MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA MASALAH ITU.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM DI SINI, SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI SETELAH MELAKUKAN LAWATAN RASMI DUA HARI KE KEDAH.**

**MENURUT LAPORAN AKHBAR HARI INI, KUMPULAN RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS ITU KEBANYAKANNYA TERDIRI DARIPADA PEGAWAI KEDUTAAN DAN ANGGOTA KELUARGA MEREKA YANG SEPATUTNYA BERTOLAK KE AMMAN, UNTUK PULANG KE TANAH AIR MELALUI JORDAN.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR JUG4 BERHARAP RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS ITU AKAN SELAMAT PULANG SEBAGAIMANA DUA KUMPULAN SEBELUMNYA. - - LAGI.**

**2026MST 24 08 90**

**D642**

U B159 AAB  
MAHATHIR - JORDAN 2 ALOR SETAR

SEBELUM BERLEPAS PULANG, DATUK SERI DR HAHATHIR MENGADAKAN LAUATAN SINGKAT KE KAMPUS UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DI SINTOK, KIRA-KIRA 50KM DARI SINI UNTUK MENINJAU KEMAJUAN PEMBINAAN KAKPUS TETAP ITU YANG AKAN MULA MENGAMBIL PELAJAR SESI 1990/1991 PADA 15 SEPT.

KETIKA DITANYA MENGENAI KAMPUS UUM ITU, DATUK SERI DR HAHATHIR BERKATA, DALAW TEMPOH 20 BULAN, BANYAK BANGUNAN UTAMA SIAP DIBINA SEPERTI DEWAN KULIAH DAN ASRAMA.

LEBIH 500 JUTA DIBELANJAKAN UNTUK MEMBINA KAKPUS ITU, KATANYA SAMBIL MENINGATKAN PELAJAR YANG TERPILIH MENGIKUTI PENGAJIAN DI UUM BAHAWA KEREKA MENIKMATI KEMUDAHAN PEMBELAJARAN ITU HABIL PENGORBANAN BESAR RAKYAT.

BELIAU BERKATA PELAJAR YANG BERNASIB BAIK DIPILIH MENGIKUTI PENGAJIAN DI UUM HENDAKLAH MEMPUYAI KESEDARAN DAN MENGGUNAKAN KESEKAPAN UNTUK MEMPEROLEHI ILMU YANG BERGUNA UNTUK DIRI, BANGSA DAN NECARA.

BELIAU BERHARAP PELAJAR YANG TERPILIH MENJADI PELAJAR YANG BERETIKA MULIA DAN SENTIASA BERSYUKUR SERTA TIDAK MENJADI SEPERTI SESETEGAS GOLONGAN, YANG APABILA MENDAPAT PELAJARAN TINGGI, MENYALAHGUNAKANNYA. - - LAGI.

1937MST 24 08 90

D728

R B162 A A B  
KAHATHIR - JORDAN 3 ALOR SETAR

● EKIRANYA RAKYAT DAN NEGARA TIDAK HENDAPAT HASIL YANG BAIK DARIPADA PENUNTUT, LEBIH BAIK WANG BERKENAAN DIBELANJAKAN UNTUK PERKARA LAIN YANG BOLEH MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT.+

DATUK SERI DR HAHATHIR JUGA BERKATA, KERAJAAN BERBEDIA MENIMBANG PERHOHONAN PERTUBUHAN BURUH KALAYSIA (MLO) UNTUK MENYERTAI MAJLIS PENASIHAT BURUH JIKA PERTUBUHAN ITU DAPAT MEMBUKTIKAN BAHAWA IA DISOKONGI PEKERJA.

+KERAJAAN AKAN WEHBERI PERTIMBANGAN KEPADA SETIAP PERTUBUHAN YANG MEWAKILI PEKERJA DAN JIKA PEKERJA MEMILIH SESUATU KUMPULAN, ITU ADALAH HAK PEKERJA.+

+JIKA RAMAI MENYOKONG MLO, KAKA DENGAN ITU MTUC TIDAK BOLEH MENGATAKAN IA SAHAJA YANG BERHAK MEWAKILI PEKERJA KERANA ITU BUKAN HAK MTUC, TETAPI HAK PEKERJA,+ KATA BELIAU.

YANG TURUT BERADA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENGHANTAR KEPULANGAN PERDANA MENTERI DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI IALAH MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF. - - BERNAMA.